



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

## **SEMPENA**

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2020  
KLUSTER PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**8 APRIL 2021 (KHAMIS)**

**BORAOMBAK MARINA PUTRAJAYA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih saudara/saudari pengerusi majlis.

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

Yang Berbahagia Datuk Roziah binti Abudin

Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)

Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020 bagi Kluster Parlimen dan Undang-Undang

Yang Berbahagia Datin Rozita binti Ramli

Ketua Pengarah Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020 bagi Kluster Parlimen dan Undang-Undang

Yang Arif Puan Aslina binti Joned

Pengerusi Lembaga Penasihat (LP)

Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Dato' Anita binti Harun

Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl)

Yang Berusaha Puan Siti Salwa binti Musa

Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman (JBG)

Yang Berusaha Tuan Qalam Zainuddin bin Sani

Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK)

Yang Dihormati *Senior Assistant Commissioner Police* (SAC) Mohd Rozi bin

Jidin

Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Perlindungan (BP)

Para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020 yang  
diraikan dan semua hadirin yang dimuliakan.

## **MUKADIMAH**

1. Syukur Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita sama-sama menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas keizinan dan limpah kurnia-Nya jualah kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2020, Kluster Parlimen Dan Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri. Walaupun telah setahun kita menghadapi kehidupan norma baharu yang serba serbi terbatas ini namun kita harus bersyukur kerana masih mampu melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan ini dengan jayanya.

2. Pertamanya saya menyampaikan salam takzim daripada Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin bin Haji Hassan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) kerana beliau tidak dapat hadir bersama-sama kita pada majlis pagi ini kerana beliau ada tugas lain yang tidak dapat dielakkan. Di kesempatan ini, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) yang pada kali ini menjadi hos dan mengetuai jawatankuasa persediaan bagi menjayakan Majlis APC pada hari ini. Sesungguhnya kerjasama yang erat seluruh agensi dan jabatan di

bawah Kluster Parlimen dan Undang-Undang dalam segala perkara amatlah saya hargai sebagai tanda kebersamaan kita di bawah satu kluster yang mantap walaupun berbeza peranan dan fungsinya.

3. Tahun 2020 meninggalkan kita dengan seribu satu catatan perjalanan yang penuh pancaroba. Satu dunia seakan terhenti seketika kesan daripada wabak COVID-19 yang melanda. Sepanjang tahun 2020 kita diuji dengan pandemik COVID-19, kemerosotan ekonomi dan politik tanah air. Tahun 2021 ini kita juga berhadapan dengan cabaran yang sama. Namun begitu, mudah-mudahan dengan adanya Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang telahpun bermula sejak 24 Februari 2021 yang lalu akan memberi sinar dalam usaha memerangi ancaman pandemik COVID-19 di negara kita, InsyaAllah.

4. Suka juga saya mengingatkan di sini bahawa usaha memerangi COVID-19 masih tiada titik noktahnya. Justeru, dalam usaha mengawal wabak ini daripada terus menular, kita hendaklah terus mengamalkan norma baharu seperti penjarakan sosial, memakai *face mask*, mengamalkan penjagaan kesihatan yang baik dan mematuhi Prosedur Operasi Standard

(SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

### **PENGHARGAAN KEPADA PENERIMA APC TAHUN 2020**

5. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua 152 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020 yang terdiri daripada warga Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) seramai 14 orang, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) seramai 36 orang, Jabatan Insolvency Malaysia (Mdi) seramai 84 orang, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) seramai 1 orang, Bahagian Perlindungan (BP) seramai 6 orang, Lembaga Penasihat (LP) seramai 3 orang, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) seramai 7 orang dan seorang dari pejabat Yang Berhormat Menteri.

6. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini setiap tahun diadakan adalah sebagai manifestasi penghargaan dan pengiktirafan kepada mereka yang telah berjaya terpilih agar terus berkhidmat dengan cemerlang serta dapat menyuntik semangat kepada seluruh warga agensi di bawah Kluster saya supaya berlumba-lumba membudayakan bekerja cemerlang sepanjang

masa seiring dengan kehendak rakyat. Saya percaya semua Ketua Jabatan telah melaksanakan pertimbangan yang adil dan saksama untuk menentukan penerima APC ini.

7. Adalah perlu difahami bahawa penganugerahan APC ini bukan hanya semata-mata pengiktirafan kepada warga yang telah menunjukkan komitmen dan dedikasi yang tinggi terhadap tanggungjawab yang diamanahkan. Dalam erti kata yang lebih luas, ianya adalah langkah ke arah membudayakan kecemerlangan secara menyeluruh dalam semua aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada *stakeholders* dan kumpulan sasaran di setiap agensi.

8. Justeru itu, tanpa mengira jawatan dan tugas, tuan-tuan dan puan-puan mempunyai peranan penting dalam melaksanakan amanah yang diberikan demi memastikan hala tuju dan kecemerlangan setiap agensi di bawah Kluster Parlimen Dan Undang-Undang. Pada saya, setiap warga agensi tanpa mengira pangkat adalah merupakan aset penting dalam menjayakan setiap dasar dan agenda nasional.

9. Saya berharap juga supaya sentiasa diwujudkan kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas, agar kita dapat seiring dalam perjalanan ke arah mencapai matlamat kecemerlangan kerja, kecemerlangan agensi masing-masing dan seterusnya kecemerlangan Kluster Parlimen dan Undang-Undang. Harus diingat bahawa kecemerlangan ini hendaklah sentiasa ditambah baik agar menjadi lebih cemerlang pada masa hadapan dan seterusnya memberi impak yang lebih baik kepada pentadbiran Kerajaan.

### **PERKHIDMATAN AWAM YANG CEKAP, BERINTEGRITI DAN PRIHATIN**

10. Walau setinggi mana pun kita menggapai perubahan, adalah yang lebih penting bagi kita semua untuk terus memberi penekanan kepada "*character building*" iaitu melalui penambahan ilmu pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan juga mengamalkan nilai-nilai murni serta ciri-ciri peribadi yang positif termasuk mengutamakan aspek integriti yang tinggi dalam menjalankan tugas. Runtuhnya nilai integriti akan menyebabkan berlakunya pelbagai kepincangan seperti berlakunya penyelewengan untuk kepentingan peribadi, rasuah dan sebagainya.



11. Di kala kita berhadapan dengan kesukaran dalam kehidupan kini akibat pandemik COVID-19, acapkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menekankan agar penjawat awam sentiasa prihatin dengan mempermudah dan mempercepatkan perkhidmatan urusan bantuan kepada rakyat. Sebagai contoh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini ketika menyampaikan ucapan berhubung Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), Jabatan Insolvency Malaysia diminta untuk memudahkan urusan individu berstatus bankrap dengan pihak bank dalam menerima bantuan Kerajaan. Kepada cawangan Jabatan Insolvency di seluruh negara yang mentadbir kes-kes bankrap ini, permudahkanlah mereka yang bankrap untuk membuka akaun bank secara dalam talian (*online*) agar bantuan tunai dapat dikreditkan dalam akaun mereka tanpa mengalami sebarang potongan ansuran bulanan. Tunjukkan keprihatinan kepada rakyat kerana di bahu kita tergalas tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka.

12. Dalam situasi penularan Pandemik COVID-19 ini, banyak pihak yang telah terkesan sama ada individu atau Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang mempunyai ikatan kontrak tertentu untuk dilunaskan. Pusat Mediasi COVID-19, Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan sebagai

platform penyelesaian pertikaian secara baik tanpa melibatkan proses perbicaraan di mahkamah. Justeru, Kerajaan telah bersetuju untuk memanjangkan tempoh kuat kuasa perlindungan bagi ketidakupayaan untuk melaksanakan obligasi kontraktual yang telahpun berakhir pada 31 Mac 2021 yang lalu sehingga 30 Jun 2021. Jenis kontrak yang terlibat akan turut diperluaskan bagi membantu rakyat yang terkesan dan gagal memenuhi obligasi kontrak mereka.

13. Selaku penjawat awam, kita tidak boleh kekal selesa pada sesuatu tahap pencapaian. Kita perlu berhadapan dan menangani perubahan persekitaran. Kita perlu sentiasa peka, berfikiran terbuka untuk melakukan perubahan yang selari dengan perubahan persekitaran. Ekspektasi pelanggan atau rakyat terhadap perkhidmatan awam semakin hari semakin tinggi dan ini sudah tentunya memerlukan kita membuat pembaharuan yang berterusan supaya kita sentiasa responsif, relevan dan berkesan dalam memenuhi permintaan dan harapan rakyat.

## **PENUTUP**

14. Pandemik COVID-19 ini bukan sahaja telah merubah ritma kehidupan seharian kita, malahan ianya telah mengubah cara kebiasaan kita bekerja. Peranan Ketua Jabatan dalam fasa norma baharu ini hendaklah memastikan inisiatif proaktif dan efektif dapat diambil dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan. Kita perlu kreatif dan inovatif dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat walaupun terdapat kekangan dan cabaran.

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020 dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis kita pada hari ini. Menjadi harapan dan hasrat saya agar seluruh warga di bawah Kluster Parlimen dan Undang-Undang terus dapat meningkatkan kecemerlangan dalam apa jua program dan aktiviti yang dilaksanakan bagi memastikan kecemerlangan yang berterusan.

16. Di akhir kata, saya berdoa agar kecemerlangan prestasi kerja yang dicapai oleh tuan-tuan dan puan-puan dapat berkekalan, malah terus mempertingkatkan lagi tahap kecemerlangan serta menjadi suntikan semangat kepada warga kerja yang lain untuk turut cemerlang. Akhir kata terimalah dua rangkap pantun dari saya :

Bunga seroja di tepi kali  
Bunga melati berbunga di darat  
Orang cemerlang untung sekali  
Jadi sebutan sepanjang hayat.

Sultan Mahmud mangkat dijulang  
Kisah temurun dahulu kala  
Prestasi kerja sentiasa cemerlang  
Menjadi teladan kepada semua.

**Sekian, terima kasih.**

**Wabillahi Taufiq Walhidayah. Wassalamualaikum Warrahmatullahi  
Wabarakatuh.**